

Pusat terpaksa berhati-hati belanjakan peruntukan RM6 yang hampir kehabisan

KUALA TERENGGANU 14 Julai — Kerajaan Pusat kini terpaksa berhati-hati dalam perbelanjaannya kerana peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi seluruh negara sudah hampir habis.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir, menjelaskan tanyanya permohonan melaksanakan projek yang dianggap betul-betul penting sahaja akan dipertimbangkan.

"Peruntukan sudah hampir mencecah siling Rancangan Malaysia Keenam dan kerajaan terpaksa berhati-hati. Keutamaan akan diberikan kepada projek yang berkaitan dengan kemudahan asas dan pelajaran," ujar beliau.

Beliau menyatakan demiki-

an kepada para pemberita selepas mendengar taklimat pembangunan yang disampaikan oleh Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad di Menara Permint di sini petang ini.

Beliau menarik perhatian dengan keadaan peruntukan yang semakin terhad, kerajaan lebih bergantung kepada sektor swasta untuk memainkan peranan yang lebih besar menyalurkan kemudahan yang dapat dilakukan.

Diminta mengulas mengenai Terengganu, Perdana Menteri berpuas hati dengan cara kerajaan negeri melakukan pengagihan pendapatan dari sumber minyak dan gas untuk kebajikan dan pembangunan rakyat.

Menurutnya, ia telah dilakukan dengan baik melalui tumpuan utama kepada kemudahan infrastruktur seperti jalan, aspek pelajaran dan usaha meningkatkan taraf kesihatan.

"Banyak sudah dibelanjakan untuk kepentingan rakyat dan saya harap hasilnya dirasai dan disedari oleh mereka," ujar beliau.

Antara kemungkinan yang boleh dipertimbangkan oleh pusat berhubung dengan permohonan yang dikemukakan oleh Terengganu ialah pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud.

Pembesaran lapangan terbang itu bagi menampung perkhidmatan yang banyak dianggarkan menelan belanja \$24 juta.